



JPS

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN, MALAYSIA

Updates

EDISI SEPTEMBER 2021



Sambutan

HARI SUNGAI SEDUNIA

Selamat Menyambut

**Hari
Malaysia**



MALAYSIA PRIHATIN

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

DATO' Ir. HJ. NOR HISHAM BIN
MOHD GHAZALI

PENYELARAS

Ir. HJ. AZMI BIN IBRAHIM

KETUA EDITOR

WAN MARHAFIDZ SHAH BIN WAN
MOHD. OMAR

EDITOR

NORAZIZAH BINTI ABDUL KADIR

PENOLONG EDITOR

KHADJIJAH BINTI NAWAWI
MUHAMAD BAZLI BIN YAHAYA
MOHD FIRDAUS BIN MOKHTAR

Isi kandungan

Menarik di dalam

3

DARI TINTA KETUA EDITOR

4

SAMBUTAN HARI SUNGAI SEDUNIA

6

LAWATAN KERJA MOF KE KAWASAN BANJIR KEDAH

8

LAWATAN YBTM KE KAWASAN BANJIR DI SUNGAI JAWI

10

LAWATAN KE LOKASI TANAH RUNTUH DI KEMENSAH HEIGHT

12

LAWATAN KE TAPAK PROJEK TEBATAN BANJIR GONG KIAT

16

LAWATAN KERJA KE TAPAK PROJEK RTB DI NEGERI KEDAH

18

MALAYSIA INTERNATIONAL WATER CONVENTION (MIWC) 2021

20

LAWATAN KE TAPAK PROJEK PENYELENGARAAN KOLAM
TAKUNGAN PAYA BESAR

22

LAWATAN TAPAK KE LEMBANGAN SG. PERAK, SG. KURAU
DAN SG. KERIAN

Muhamad Bazli
bin Yahaya

Dato' Ir. Mohd
Azmi bin Ismail

Ir. Hj. Azmi
bin Ibrahim

Khadjijah
binti Nawawi



Mohd Firdaus
bin Mokhtar

Wan Marhafidz
Shah bin Wan
Mohd Omar

Dato' Ir. Hj. Nor
Hisham bin Mohd
Ghazali

Norazizah
binti Abdul
Kadir



*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera*

Alhamdulillah, terlebih dahulu saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana atas keizinanNya jua, sekali lagi buletin pada kali ini telah berjaya diterbitkan.

Bulan September merupakan Sambutan Hari Sungai Sedunia yang disambut Negara pada setiap tahun. Sambutan Hari Sungai Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2021 bertemakan Alur Air Dalam Komuniti Kita (*Waterways in Our Community*) telah diadakan di Sungai Rembau, Lubok China, Negeri Sembilan pada 26 September 2021. Majlis ini dirasmikan oleh YB Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air. Sambutan ini juga adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan menghargai sungai, memberikan kesedaran penjagaan sungai dan menggalakkan penglibatan masyarakat dalam menjaga sungai. Program gotong-royong dan penanaman pokok telah dijalankan serentak di seluruh Negara sebagai simbolik mengimbangi pelepasan karbon serta dipancarkan secara langsung serentak di seluruh negara di *Facebook Live*.

Bulan September juga merupakan Hari Malaysia yang disambut di seluruh Negara yang bertemakan Malaysia Prihatin bagi menghargai keprihatinan, kesungguhan dan ketabahan warga Malaysia mengharungi cabaran dan dugaan wabak COVID-19 yang melanda Negara. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Malaysia kepada seluruh warga kerja Jabatan Pengairan dan Saliran di seluruh Negara. Akhir kata, saya ingin mengingatkan agar semua mematuhi SOP norma baharu dan mengambil vaksin pencegahan COVID-19 bagi mencapai imuniti kelompok (*herd imuniti*), seterusnya menjadikan situasi pandemik di Negara kita menjadi endemik supaya kita boleh hidup kembali normal seperti sebelum kedatangan COVID-19.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.



**Wan Marhafidz Shah bin Wan
Mohd. Omar**

Pengarah Bahagian Korporat



SAMBUTAN HARI SUNGAI SEDUNIA

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

Sambutan Hari Sungai Sedunia Tahun 2021 bertemakan Alur Air Dalam Komuniti Kita (*Waterways in Our Community*) telah diadakan di Sungai Rembau, Lubok China, Negeri Sembilan yang dirasmikan oleh YB Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air pada 26 September 2021. Objektif sambutan ini adalah untuk menghargai kepentingan sungai, memberikan kesedaran penjagaan sungai dan menggalakkan penglibatan masyarakat dalam menjaga sungai. Program gotong-royong dan penanaman pokok telah dijalankan serentak oleh JPS di seluruh negara sebagai simbolik mengimbangi pelepasan karbon serta dipancarkan secara langsung serentak di seluruh negara di *Facebook Live*.

Sambutan yang diadakan secara *live streaming* melalui media sosial Facebook Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia adalah bagi menggalakkan penyertaan sektor kerajaan dan swasta serta industri yang terlibat dengan kelestarian sumber air, badan bukan kerajaan (NGO), pelajar universiti dari dalam dan luar negara serta orang awam.

Program ini turut dihadiri oleh YB. Dato' Mansor bin Haji Othman, Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air, YB. Tuan Veerapan a/l Superamaniam, EXCO Kerajaan Negeri Sembilan, YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang, Ketua Setiausaha KASA, YBhg. Dato' Ir. Hj. Nor Hisham bin Mohd Ghazali, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia, pegawai-pegawai KASA, pegawai-pegawai JPS Malaysia, pegawai-pegawai JPS Negeri Sembilan, Pegawai Daerah Rembau dan wakil komuniti.







LAWATAN KERJA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA KE KAWASAN BANJIR LUMPUR DAERAH YAN DAN KUALA MUDA

OLEH : JPS KEDAH

Pada 2 hingga 3 September 2021, YBhg. Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz, Setiausaha Bahagian Perolehan, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah mengadakan lawatan kerja ke kawasan bencana banjir lumpur di Daerah Yan dan Kuala Muda.

Sesi lawatan turut sama dihadiri oleh YBhg. Dato' Ir. Hj. Nor Hisham bin Mohd Ghazali, Ketua Pengarah JPS Malaysia, YBhg. Dato' Ir. Mohd Azmi bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah JPS Malaysia, YBhg. Dato' Ir. Hj. Jamil bin Shaari, Pengarah Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai JPS Malaysia, Pengarah Bahagian Korporat JPS Malaysia, Pengarah JPS Negeri Kedah, Jurutera Daerah serta pegawai-pegawai JPS Negeri Kedah.

YBhg. Dato' Zamzuri dan rombongan diberikan taklimat berkenaan bencana kepala air dan banjir lumpur yang berlaku serta

perancangan jangka pendek, jangka panjang serta Pelan Pemulihan Fasa 1 bagi menyelesaikan masalah banjir tersebut.

Rombongan dibawa ke kawasan yang terjejas iaitu Jambatan Sg. Yan Besar, Sg. Titi Hayun, Sg. Batu Hampar, Sg. Seri Perigi, Jambatan Sungai Bujang (Tupah) dan Loji Rawatan Air Tupah.



KERJA KERJA PEMBERSIHAN SUNGAI KAMPUNG BUKIT TUMBUH DAN SUNGAI DARA MANDI BAGI PASCA TRAGEDI KEPALA AIR DI GUNUNG JERAI, KEDAH



Keadaan sungai selepas kejadian kepala air



Kerja-kerja pembersihan dan mendalamkan
dasar sungai di sungai-sungai yang terkesan

Keadaan semasa selepas kerja-kerja segera
pembersihan di sungai-sungai yang terkesan



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI KEDAH

3 September 2021



LAWATAN YB TIMBALAN MENTERI KASA KE KAWASAN BANJIR DI SUNGAI JAWI

OLEH : JPS DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN

Pada 4 September 2021, YB Dato' Mansor bin Haji Othman, Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air (KASA), telah menghadiri Taklimat Khas Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Parlimen Nibong Tebal oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Daerah Seberang Perai Selatan bertempat di Pusat Khidmat Rakyat Nibong Tebal.

Seterusnya YB Timbalan Menteri KASA telah mengadakan lawatan kerja ke Nibong Tebal, Pulau Pinang bersama pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia bagi melihat dengan lebih jelas impak kejadian banjir yang telah berlaku sekitar 18 Ogos 2021 yang turut melibatkan Kampung Sethu, Kampung Jawi dan sepanjang Sungai Jawi.

Antara punca kejadian banjir yang dikenalpasti oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia adalah disebabkan:

- i. Limpahan air Sungai Kechil yang memberi kesan kepada Kampung Sethu dan Sanglang.

- i. Keadaan banjir bertambah buruk akibat aliran deras yang telah menghanyutkan kayu balak dan sampah yang tersangkut di lintasan-lintasan mengakibatkan air sungai melimpah ke kawasan penempatan berdekatan.

Sesi lawatan ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Ir. Hj. Nor Hisham bin Mohd Ghazali, Ketua Pengarah JPS Malaysia, pegawai-pegawai JPS Malaysia, pegawai-pegawai JPS Daerah Seberang Perai dan wakil komuniti daerah terlibat.





KENYATAAN MEDIA
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA

Tindakan Segera JPS Mengurangkan Impak Banjir Susulan

1. Trauma selepas fenomena kepala air di kawasan sekitar kaki Gunung Jerai dan kejadian banjir lumpur yang sangat teruk di Daerah Yan dan Daerah Kuala Muda, Kedah pada 18 Ogos 2021 (Rabu) yang lalu masih terkesan di hati rakyat.
2. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mengambil tindakan segera selepas kejadian kepala air dan banjir lumpur yang lalu dengan melaksanakan kerja-kerja menyelenggara dan mendalamkan sungai bagi meningkatkan kapasiti air sungai. Kerja-kerja tersebut termasuk mengalihkan pokok-pokok hutan yang hanyut serta ranting dan dahan yang tersekat di struktur lintasan dan jambatan bagi melancarkan aliran air sungai.
3. Kejadian hujan lebat pada 2 September 2021 (Khamis) di Daerah Yan, Kedah telah menimbulkan kegusaran dan kerisauan kepada penduduk berhampiran. Walau bagaimanapun, tindakan segera yang diambil oleh JPS dengan menyelenggara dan membersihkan sungai telah mengurangkan impak banjir susulan di Daerah Yan dan Daerah Kuala Muda. Keamatan hujan dengan bacaan 55.5mm/5 jam menyebabkan limpahan air dengan kedalaman 0.15 meter sahaja yang berlaku di Kg. Rendang Pasir dan Kg. Tohor, Daerah Yan.
4. JPS sedang dalam tindakan melaksanakan kerja-kerja pemulihan sungai yang terlibat dengan bencana di Daerah Yan dan Daerah Kuala Muda, Kedah. JPS akan terus memantau kawasan yang berisiko banjir dan sentiasa berwaspada.

Ketua Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia
3 September 2021



LAWATAN KE LOKASI TANAH RUNTUH DI KEMENSAH HEIGHTS, HULU KELANG

OLEH : JPS DAERAH GOMBAK

Pada 18 September 2021, YBhg. Dato' Ir. Hj. Nor Hisham bin Mohd Ghazali, Ketua Pengarah JPS Malaysia telah mengadakan lawatan ke lokasi tapak kejadian tanah runtuh di banglo No. 8, Jalan 7, Kemensah Heights, Hulu Kelang, Selangor. Dato' Ketua Pengarah juga telah menjadi pemerhati kepada Mesyuarat Jawatankuasa Bencana Daerah dan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan oleh Puan Pegawai Daerah Gombak.

JPS akan melaksanakan kerja-kerja segera bagi memastikan aliran air Sungai Kemensah dapat mengalir setelah terhalang oleh runtuh tanah yang menutup aliran air Sg. Kemensah. Bagi langkah jangka panjang JPS akan menjalankan kerja-kerja pengukuhan tebing Sg. Kemensah setelah mendapat keputusan penilaian kajian tanah oleh pihak JMG dan JKR bahagian cerun. Turut serta adalah Ir Hj Azmi bin Ibrahim Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan), JPS Malaysia serta agensi-agensi teknikal yang lain seperti NADMA, MPAJ, JKR, JMG, BOMBA, APM dan PDRM.





LAWATAN YB MENTERI KASA KE LOKASI TANAH RUNTUH DI KEMENSAH HEIGHTS, HULU KELANG

OLEH : JPS DAERAH GOMBAK

Pada 19 September 2021, YBhg. Dato' Ir. Hj. Nor Hisham bin Mohd Ghazali, Ketua Pengarah JPS Malaysia telah mengiringi YB Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air ke lokasi kejadian tanah runtuh di Jalan Kemensah Heights, Daerah Gombak, Selangor.

Insiden yang berlaku pada 17 September 2021, telah menjejaskan tiga (3) buah rumah banglo dan 32 rumah jenis bandar yang didiami oleh 24 buah keluarga. Namun, tiada sebarang kecederaan dan kemalangan jiwa yang dilaporkan. Pergerakan tanah daripada runtuhannya tersebut telah menyebabkan Sungai Kemensah terkambus dan mengakibatkan aliran sungai terhalang.

Sebagai langkah segera, JPS telah melaksanakan kerja-kerja awalan pembersihan runtuhannya bagi memastikan aliran sungai lancar. Seterusnya, JPS akan melaksanakan kerja-kerja pengukuhan dan penstabilan tebing Sungai Kemensah yang terlibat sepanjang 200 meter.





LAWATAN KE TAPAK PROJEK TEBATAN BANJIR GONG KIAT, KUALA TERENGGANU

OLEH : BAHAGIAN PENGURUSAN BANJIR

Pada 28 September 2021, YBhg. Dato' Ir. Hj. Nor Hisham bin Mohd Ghazali, Ketua Pengarah JPS Malaysia bersama YBhg. Dato' Ir. Mohd Azmi bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes) JPS Malaysia telah mengadakan lawatan ke tapak projek Tebatan Banjir Gong Kiat, Kuala Terengganu,

Terengganu. Komponen utama projek ini adalah pembinaan parit monsun sepanjang 3.85 km untuk mengurangkan risiko banjir di kawasan Gong Kiat, Pak Pa dan Gong Pauh. Kemajuan semasa pelaksanaan projek adalah 94% dan projek ini dijangka akan siap pada Oktober 2021.

Takziah



Salam takziah buat keluarga mendiang
CIK RACHEL ELIZA ANAK MATHEW LIDI
Pegawai Tadbir dan Diplomatik
Bahagian Khidmat Pengurusan



Ikhlas daripada
Pengurusan Tertinggi serta
warga Jabatan Pengairan & Saliran Malaysia
16 September 2021

SUDUT

Selamat Menyambut

Hari Merdeka

16 September 2016

ikhlas daripada

**YBHG. DATO' IR NOR
BIN MOHD GHAZALI**

**KETUA PENGARAH JABATAN PENGAIRAN DAN SALURAN
& SELURUH WARGA KERJA JABATAN PENGAIRAN DAN SALURAN**

INFO



Malaysia
2021

**HISHAM
ALI**
DIREKTOR MALAYSIA
SALIRAN MALAYSIA



LAWATAN KERJA KE TAPAK PROJEK RANCANGAN TEBATAN BANJIR (RTB) DI NEGERI KEDAH

OLEH : JPS NEGERI KEDAH

Pada 3 hingga 4 September 2021, lawatan kerja bagi pemeriksaan tapak projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Negeri Kedah telah diadakan oleh YBhg. Dato' Ir. Mohd Azmi bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes) JPS Malaysia diiringi oleh YBhg. Dato' Ir. Dr. Hj. Ahmad Anuar bin Othman, Pengarah Bahagian Pengurusan Banjir JPS Malaysia, Timbalan Pengarah (Operasi), BPB JPS Malaysia, Tuan Pengarah JPS Kedah, Jurutera Projek, Jurutera Daerah Kubang Pasu/Padang Terap, Jurutera Daerah Kota Setar/Pendang/Yan, pegawai-pegawai JPS Negeri dan JPS Daerah.

Lawatan pemeriksaan ke tapak projek RTB Sungai Kedah/Anak Bukit iaitu di Tanjung Pauh Headwork, Jambatan Kg Tok Kun, Jitra, Sungai Anak Bukit, Alor Setar dan *Tidal Control Gate* Alor Kelonchor. Seterusnya, lawatan kerja ke Tapak Barrage dan *Inlet Channel*, Sg Pendang, Jambatan K147,

Jenun dan *Tidal Control Gate & Syphon* SCD1A di bawah Projek RTB Sungai Pendang.



Integrity Corner

Sept. 2021

"Warga Berintegriti, Organisasi Berkualiti"

"HARAPKAN PEGAR, PEGAR MAKAN PADI"

Maksud: Harapan diletakkan pada bahu seseorang tetapi akhirnya orang itu pula yang merosakkannya.

Contoh ayat: Kejadian seorang pegawai penguatkuasa ditangkap kerana membenarkan pendatang asing masuk ke dalam negara secara haram itu bolehlah disifatkan sebagai harapkan pegar, pegar makan padi.



P.U. (A) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Peraturan 4(2)(C)(ii)

Seseorang Pegawai Awam **TIDAK BOLEH menggunakan kedudukan awamnya bagi faedah dirinya sendiri**

Navigating the
Future of Water in
the New Norm



River & Coastal Management in Malaysia

Dato' Ir. Nor Hisham bin Mohd. Ghazali
Director General,
Department of Irrigation and Drainage (JPS),
Malaysia

Organised By



Supported by



Platinum Sponsor



Gold Sponsor



Bronze sponsors



MALAYSIA INTERNATIONAL WATER CONVENTION (MIWC) 2021

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

Malaysia International Water Convention (MIWC) 2021 anjuran Malaysian Water Association (MWA) telah diadakan pada 20 hingga 24 September 2021 melalui *video conference*. Pada 22 September 2021 (Rabu) YBhg. Dato' Ir. Hj. Nor Hisham bin Mohd Ghazali, Ketua Pengarah JPS Malaysia telah menyampaikan 'Keynote' yang bertajuk **"River & Coastal Management in Malaysia"** pada jam 2.00 petang.

Pada sesi ini beliau telah mengulas mengenai kepentingan menguruskan sungai dan persisiran pantai dalam menjamin pembangunan ekonomi negara. Antara perkara yang telah dikongsikan adalah kepentingan pembangunan tanah secara lestari dalam memelihara kawasan sungai dan persisiran pantai. Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) dan Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu (ISMP) dijadikan sebagai rujukan asas dalam pembangunan tanah. Pelan IRBM dan ISMP ini berperanan memberikan sumbangan yang besar ke arah mencapai *sustainable development goals* dan membentuk perancangan ekonomi masa hadapan.

Selain itu, penerangan lebih lanjut turut dikongsi berkenaan strategi menyeluruh oleh JPS dalam pembangunan infrastruktur iaitu *creating for resilience, building with nature, bring back the beaches* dan *make room for water*. Melalui sinergi 4 strategi menyeluruh ini, projek infrastruktur JPS bukan sahaja dapat mengelakkan kemerosotan nilai atau potensi tanah dan sumber semulajadi, malah bencana berkaitan air dapat dikurangkan dan pada masa yang sama, memperoleh manfaat daripada kekayaan sumber biologi semulajadi.

CONCLUSION

- 4 Overarching Infrastructure Development Strategies to Address Climate Change
- Water resource management must be integrated into land use planning
- IRBM plan to regulate development in river basins and along coastlines
- Information and inclusivity in



**RAMAI YANG RINDU DENGAN
SUNGAI PADA WAKTU PKP FASA 1
DAN INI CARA MEREKA
MELEPASKAN RINDU**



HARI SUNGAI SEDUNIA

26 SEPTEMBER 2021

Waterways in our Communities

KITA JAGA SUNGAI KITA



www.water.gov.my



[jpsmalaysia](#)



[did_malaysia](#)





LAWATAN KE TAPAK PROJEK PENYELENGGARAAN KOLAM TAKUNGAN PAYA BESAR

OLEH : BAHAGIAN PENGURUSAN BANJIR

Pada 28 September 2021, YBhg. Dato' Ir. Hj. Nor Hisham bin Mohd Ghazali, Ketua Pengarah JPS Malaysia bersama YBhg. Dato' Ir. Mohd Azmi bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes) JPS Malaysia telah mengadakan lawatan ke tapak projek Penyelenggaraan Kolam Takungan Paya Besar, Mukim Kuala Berang, Hulu Terengganu. Kerja-kerja penyelenggaraan kolam sedang dilaksanakan dan kemajuan semasa adalah sebanyak 96%. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada Oktober 2021.



SUDUT INFO



BANJIR GENANG

Banjir disebabkan air yang tidak surut melebihi sesuatu tempoh masa walaupun hujan sudah tidak turun lagi kerana tidak dapat mengalir ke kawasan lebih rendah disebabkan oleh faktor pasang surut laut, topografi ataupun saluran air yang tersumbat.

LAWATAN TAPAK KE LEMBANGAN SG. PERAK, SG. KURAU DAN SG. KERIAN

OLEH : BAH. PENGURUSAN SUMBER AIR & HIDROLOGI



Lawatan tapak ke Lembangan Sg. Perak, Sg. Kurau dan Sg. Kerian telah diadakan pada 28 hingga 30 September 2021 yang lalu. Lawatan ini diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah BPSAH, Ir. Dr. Asmadi bin Ahmad @ Hasan dengan penglibatan 2 orang pegawai Seksyen Pakar dan Nasihat Teknikal JPS, pihak perunding yang dilantik, JPS Daerah Kerian, Wakil JPS Daerah Larut, Matang dan Selama serta pegawai-pegawai dari Lembaga Air Perak (LAP) yang diketuai oleh Pengurus Wilayah, Wilayah Tengah 1, Ir. Hj. Mohd

Marzuki bin Baharuddin dan Ketua Bahagian Operasi, En. Inzuan bin Yahaya. Antara lokasi lawatan adalah ke Empangan Sultan Azlan Shah, Loji Rawatan Air Sg. Kinta, Empangan Bukit Merah, Skim Pengairan Kerian, Telaga Gergasi, Flume Terusan Ijok (Sungai Atas Sungai), Ibu Bekalan Terusan Ijok serta Skim Pengairan Seberang Perak.

Lawatan ini adalah bertujuan untuk pengumpulan data dan maklumat pengoperasian *Point of Interest (POI)* bagi melaksanakan perkhidmatan perunding bagi Projek Pembangunan Water Balance Bagi Pengurusan Air Negara Fasa 2 – *National Water Balance Management System (NAWABS)* bagi Lembangan Sg. Perak, Sg. Kurau dan Sg. Kerian terutamanya. Maklumat daripada sesi lawatan tapak ini akan digunakan untuk memenuhi keperluan Kajian, Pembangunan Model dan Persediaan Operasi NAWABS kelak. Hasil daripada kajian ini nanti akan digunakan dalam menghasilkan *Decision Management Support System (DMSS)* yang akan digunakan sebagai rujukan pihak kerajaan dan agensi/badan berkepentingan urus air yang terlibat dalam proses pengurusan dan perancangan sumber air yang lebih berkesan di Lembangan Sungai Perak, Kurau dan Kerian.


BENGKEL STAKEHOLDER ENGAGEMENT

OLEH : BAHAGIAN SALIRAN MESRA ALAM

Bengkel *Stakeholder Engagement* Siri 3(b), 3(c), 4(a), 4(b) & 5 merupakan kesinambungan bengkel Siri 1, 2(a) dan 2(b) yang lalu. Bengkel yang diadakan secara bersiri ini telah berakhir pada 27 September 2021 dan dilaksanakan secara atas talian. Seramai 87 orang peserta telah membuat pembentangan yang terdiri dari pegawai JPS dari Negeri Kelantan, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Tujuan utama bengkel ini diadakan adalah untuk mendapatkan maklumbalas, idea, isu serta cadangan terhadap penambahbaikan MSMA Edisi Ke-2. Ia juga bertujuan untuk mendapatkan *input* dalam menentukan topik-topik yang masih perlu dikekalkan, dikeluarkan atau perlu ditambahbaik mengikut kesesuaian dengan keadaan semasa. Para pembentang di

dalam bengkel ini terdiri daripada Penyelaras Saliran Mesra Alam Negeri dan Jurutera Daerah yang merupakan barisan hadapan bagi setiap daerah yang menyempurnakan proses membuat ulasan, kelulusan dan pemantauan dengan menggunakan MSMA sebagai salah satu sumber rujukan. Perkara-perkara yang dibincangkan sewaktu bengkel ini meliputi topik-topik yang terkandung dalam MSMA Edisi Ke-2 iaitu *Fundamental, Design Example, Operation & Maintenance, Challenges – Issues & Problem* dan *Recommendations & Improvements*.



SUDUT INFO

Diagram Design by : Tc. Mohammad Hafriz Mohd Khamis

Tahukah Anda...


RADAR SYSTEM WATER LEVEL SENSOR

1. Konsep pengukuran aras sungai tanpa sentuh (non-contact measurement water level) adalah pilihan terbaik bagi sungai-sungai yang mempunyai sediment yang tinggi. Mudah dipasang di atas jambatan atau cantiliver
2. Menggunakan Frekuensi Radar Band K (18 – 27 GHz) atau Band W (75 to 110 GHz) cerapan dapat diperolehi tanpa dipengaruhi oleh faktor suhu cuaca atau tekanan serta habuk.
3. Menggunakan isyarat gelombang mikro, sensor akan menghantar signal ke medium(Permukaan Air) dan mengembalikan isyarat tersebut dengan sela atau tempoh masa serta dapat mengira atau menentukan jarak sensor ke permukaan

Artikel Ini Disediakan Oleh :


Tc. Mohammad Hafriz Mohd Khamis

Seksyen Instrumentasi & Komunikasi, PRABN, JPS MALAYSIA



KURSUS KAWALAN HAKISAN DAN KELODAK(ESCP)

OLEH : BAHAGIAN SALIRAN MESRA ALAM



Kursus Kawalan Hakis dan Kelodak (ESCP) pada 28 hingga 30 September 2021 merupakan kursus Institut Latihan Awam (ILA) yang ke-2 anjuran Bahagian Saliran Mesra Alam (BSMA). Kursus ini merupakan salah satu program Latihan Tenaga Pengajar, Institut Latihan Awam (ILA) di bawah peruntukan JPA bagi memberi peluang kepada Jabatan bagi melahirkan tenaga pengajar dengan kepakaran bidang masing-masing. Seramai 24 orang peserta telah menghadiri kursus ini. Objektif kursus ini dilaksanakan adalah untuk menyediakan platform yang sesuai kepada pegawai-pegawai di JPS Malaysia khasnya di BSMA dan Jurutera di Negeri agar dapat memantapkan pemahaman tenikal berkenaan ESCP.

KURSUS SALIRAN MESRA ALAM (REKABENTUK STRUKTUR HIDRAULIK & CERUCUK)

OLEH : BAHAGIAN SALIRAN MESRA ALAM

Kursus Saliran Mesra Alam (Rekabentuk Struktur Hidraulik & Cerucuk) Sesi ke-2 yang telah diadakan pada 1 hingga 2 September ini merupakan kesinambungan daripada Kursus Saliran Mesra Alam (Rekabentuk Struktur Hidraulik & Cerucuk) Sesi 1. Kursus yang dihadiri 26 orang peserta ini merupakan salah satu program Latihan Tenaga Pengajar Institut Latihan Awam (ILA) di bawah peruntukan JPA bagi memberi peluang kepada Jabatan bagi melahirkan tenaga pengajar dengan kepakaran bidang masing-masing. Dr. Mohd Khaidir bin Abu Talib dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah dijemput untuk memberi ceramah bertajuk *Soil Investigation* (SI) dan Rekabentuk Cerucuk.



LAWATAN DAN SUMBANGAN KEPADA KELUARGA MENDIANG RACHEL ELIZA ANAK MATHEW LIDI


OLEH : KESSO

Pada 18 September 2021, YBhg. Dato' Ir. Hj. Nor Hisham bin Mohd Ghazali, Ketua Pengarah JPS Malaysia telah hadir memberi penghormatan terakhir dan menyampaikan sumbangan kepada keluarga mendiang Rachel Eliza anak Mathew Lidi yang telah meninggal dunia pada 16 September 2021. Sumbangan telah disampaikan kepada abang mendiang iaitu Encik James anak Mathew Lidi dan upacara pengebumian mendiang telah disempurnakan pada hari tersebut. Turut hadir memberikan penghormatan terakhir adalah YBrs. Ir Haji Azmi bin Ibrahim, Pengarah Kanan merangkap Naib YDP KESSO dan YBrs. Encik M. Janagarajan, Pengarah Khidmat Pengurusan.




SUDUT INFO

Artikel Ini Disediakan Oleh :
Tc. Mohammad Hafriz Mohd Khamis
Seksyen Instrumentasi & Komunikasi,
PRABN, JPS MALAYSIA



AFE0 DISASTER PREPAREDNESS & MITIGATION WORK GROUP

OLEH : PUSAT RAMALAN & AMARAN BANJIR NEGARA



AFE0 Disaster Preparedness & Mitigation Work Group telah mengadakan webinar yang bertajuk “Engineering Technology To Fight Covid-19 In AFE0” pada 21 September 2021 yang dipengerusikan oleh Dr. Suttisak Soralump, Pengerusi AFE0 Disaster Preparedness & Mitigation Work Group secara dalam talian. Seramai 79 peserta telah menyertai webinar ini dan Ir. Dr. Salwa binti Ramly, Ketua Penolong Pengarah Kanan telah mewakili JPS Malaysia. Wakil agensi telah diberi peranan dan tanggungjawab dalam membuat keputusan menggunakan kaedah dan panduan dari *Subject Matter Expert* (SME). Sesi ini juga memberi peluang kepada JPS Malaysia untuk berkongsi pengalaman dan teknologi bagi persediaan bencana banjir.

THE 4TH CITIES 4.0 CONFERENCE AND EXHIBITION 2021

OLEH : PUSAT RAMALAN & AMARAN BANJIR NEGARA

Pada 21 hingga 22 September telah berlangsung persidangan *The 4th Cities 4.0 Conference And Exhibition 2021* yang telah dirasmikan oleh YB Dato’ Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ir. Hj. Bibi Zarina Binti Che Omar, Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi, JPS Malaysia telah mewakili Jabatan dalam persidangan ini yang turut dihadiri oleh 528 peserta dari dalam dan luar negara.

Penganjuran *Cities* edisi keempat ini menyediakan platform kepada Kerajaan, Kerajaan Tempatan, Perancang Bandar, pemaju, *urban futurists* dan lain-lain untuk membincangkan kaedah pelaksanaan dan amalan terbaik dalam perancangan pembangunan di bandar pada masa hadapan.



PERTANDINGAN INTAN STAND AND SPEAK : “TALK YOUR WAY TO THE TOP”


OLEH : BAHAGIAN KORPORAT



JPS Malaysia yang diwakili En. Mohammad Hakim bin Dato’ Hasnul, Penolong Pengarah, Bahagian Korporat telah berjaya menduduki tempat ke-6 daripada 10 peserta akhir Pertandingan INTAN Stand and Speak : “Talk Your Way To The Top” anjuran Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) yang telah disertai oleh pelbagai Kementerian dan Agensi. Pertandingan ini telah disertai lebih 90 peserta dan mempunyai 3 peringkat penilaian iaitu saringan pertama, peringkat suku akhir dan peringkat akhir. Majlis Penutup telah dihadiri oleh YBhg. Tan Sri Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

SUDUT INFO

Diagram Design by : Tc. Mohammad Hafriz Mohd Khamis



Tahukah Anda...

- 1) Sistem Bubbler adalah untuk mengukur aras air di dalam sungai. Berdasarkan konsep jumlah tekanan yang diperlukan untuk menolak gelembung udara keluar dari garisan orifice.
- 2) Apabila ketinggian air naik atau turun, Nilai tekanan akan diukur dalam unit psi, kemudian ditukar kepada unit ukuran yang dikehendaki untuk mewakili paras air dari sudut pelepasan ke permukaan air (JPS Standard Unit Meter).
- 3) Bacaan sensor ini akan disambungkan ke Logger atau Remote terminal Unit secara 4-20ma atau SD-12
- 4) Sistem ini dilengkapi dengan fungsi Purging bagi mengelakan tubing tersumbat yang disebabkan oleh sediment.

Artikel Ini Disediakan Oleh :

Tc. Mohammad Hafriz Mohd Khamis

Seksyen Instrumentasi & Komunikasi, PRABN, JPS MALAYSIA

JPS UPDATES

EDISI SEPTEMBER 2021



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA

JALAN SULTAN SALAHUDDIN

50626 KUALA LUMPUR

MALAYSIA

Tel: 03-2616 1500 | Faks: 03-2697 2411, 2585, 2412



: www.water.gov.my



: pro@water.gov.my



: [jpsmalaysia](https://www.instagram.com/jpsmalaysia)



: [JPS Malaysia](https://twitter.com/JPS_Malaysia)



: [Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia - Dept. of Irrigation and Drainage](#)